MFRS 9 menggantikan panduan di dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* ke atas klasifikasi dan ukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan serta perakaunan lindung nilai, berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Piawaian ini menghapuskan kategori sedia ada MFRS 139 yang memegang kepada kematangan, pinjaman dan belum terima dan tersedia untuk dijual.

Dana-dana ini menerima pakai polisi perakaunan yang sama sebagai Pengurus. Pengurus telah mengaplikasi pengecualian sementara di bawah Pindaan kepada **MFRS 4 – Mengguna pakai MFRS 9, Instrumen Kewangan dengan MFRS 4, Kontrak Insurans** yang membolehkan entiti yang layak untuk menangguh tarikh pelaksanaan MFRS 9 kepada tempoh tahunan bermula selewat-lewatnya sebelum 1 Januari 2021. Oleh yang demikian, Pengurus dan Dana-dana belum mengguna pakai MFRS 9 bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

**Pindaan kepada MFRS 4 – Mengguna pakai MFRS 9, Instrumen Kewangan dengan MFRS 4, Kontrak Insurans**

Pindaan ini membenarkan entiti untuk mengelak ketidaktentuan dalam keuntungan atau kerugian yang mungkin timbul ekoran daripada penerima pakaian MFRS 9, *Instrumen Kewangan* sebelum piawaian kontrak insurans baharu akan datang.

Pindaan ini menyediakan 2 pendekatan berbeza untuk Pengurus:

- (i) pengecualian sementara daripada MFRS 9 untuk entiti yang memenuhi keperluan-keperluan spesifik; dan
- (ii) pendekatan bertindih

Kedua-dua pendekatan adalah opsyenal

Pengecualian sementara membolehkan entiti yang layak untuk menangguh tarikh pelaksanaan MFRS 9 kepada tempoh tahunan bermula selewat-lewatnya sebelum 1 Januari 2021. Sebuah entiti boleh menggunakan pengecualian sementara daripada MFRS 9 sekiranya aktiviti-aktivitinya berkaitan secara dominan dengan insurans sementara pendekatan bertindih membolehkan sebuah entiti untuk melaraskan keuntungan atau kerugian bagi aset kewangan yang layak dengan menghapuskan sebarang ketidaktentuan perakaunan kepada pendapatan komprehensif yang lain yang mungkin timbul daripada penggunaan MFRS 9.

Aktiviti perniagaan Pengurus adalah insurans secara dominannya memandangkan liabiliti berkaitan dengan perniagaan insurans merangkumi lebih daripada 90% liabiliti Pengurus. Oleh yang demikian, Pengurus layak untuk menggunakan pengecualian sementara daripada penggunaan MFRS 9 dan akan menunda dan menerima pakai MFRS 9 bersama dengan MFRS 17, Kontrak Insurans bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

Penerima-pakaian pendekatan pengecualian sementara dijangka tidak mempunyai impak material ke atas tempoh semasa dan sebelum tempoh penyata kewangan Dana-dana.

Kecuali yang dinyatakan di atas, penerima-pakaian piawaian baharu, pindaan kepada piawaian dan tafsiran oleh Pengurus buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 tidak mempunyai sebarang impak material ke atas tempoh semasa dan/atau tempoh sebelum dan tidak memberi kesan kepada tempoh-tempoh akan datang.

## 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

### (a) Kenyataan Pematuhan (sambungan)

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh MASB tetapi belum berkuatkuasa dan belum lagi ada penerima-pakaian awal oleh Dana-dana:

#### **MFRS, Tafsiran dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019**

- MFRS 16, *Pajakan*
- Tafsiran IC 23, *Ketidakpastian mengenai Pemprosesan Cukai Pendapatan*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan – Ciri-ciri Pra-bayaran dengan Pampasan Negatif*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengaturan Bersama (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawai MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawai MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 123, *Kos Pinjaman (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawai MFRS Kitaran 2015-2017)*
- Pindaan kepada MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahsama – Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usahsama*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Pekerja – Perancangan Pindaan, Pmotongan atau Penyelesaian*

#### **MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai pada atau selepas 1 Januari 2020**

- Rangkakerja Konseptual untuk Pelaporan Kewangan (Disemaksemula 2018)
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Definisi Material*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Ralat dan Anggaran Perakaunan – Definisi Material*
- Pindaan kepada MFRS3, *Kombinasi Perniagaan – Definisi sebuah Perniagaan*

#### **MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai pada atau selepas 1 Januari 2021**

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

#### **MFRS 17, Kontrak Insurans**

MFRS 17 menggantikan panduan di dalam MFRS 4, *Kontrak Insurans*.

MFRS 17 digunakan kepada kontrak insurans yang diterbitkan, kepada semua kontrak insurans semula dan kontrak pelaburan dengan ciri-ciri penyertaan budi bicara sekiranya sebuah entiti juga menerbitkan kontrak insurans. Bagi kontrak perkhidmatan bayaran tetap dimana tujuan utama adalah untuk penyediaan perkhidmatan, sesebuah entiti mempunyai pilihan dasar perakaunan untuk sama ada mengikut MFRS 17 atau MFRS 15 '*Hasil Daripada Kontrak dengan Pelanggan*'. Kontrak insurans, (selain daripada insurans semula) dimana entiti adalah pemegang polisi bukan dalam skop MFRS 17. Derivatif terbenam dan komponen pelaburan dan perkhidmatan tersendiri mestilah "diuraikan" dan diambil kira secara berasingan selaras dengan MFRS yang berkaitan. Penguraian sukarela komponen lain adalah dilarang.

MFRS 17 memerlukan model pengukuran semasa dimana anggaran diukur semula pada setiap tempoh pelaporan. Pengukuran adalah berdasarkan pendiskaunan, aliran tunai kebarangkalian wajar, pelarasan risiko dan margin perkhidmatan kontrak ("CSM") yang mewakili keuntungan kontrak yang belum diperolehi. Sesebuah entiti mempunyai pilihan polisi untuk mengiktiraf impak perubahan dalam kadar diskaun dan andaian lain yang berkaitan dengan risiko kewangan sama ada di dalam keuntungan atau kerugian atau di dalam pendapatan komprehensif lain.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)****(a) Kenyataan Pematuhan (sambungan)****MFRS 17, Kontrak Insurans (sambungan)**

Model pengukuran alternatif disediakan bagi perlindungan insurans yang berbeza:

- (a) Pendekatan Peruntukan Premium Ringkas sekiranya tempoh perlindungan insurans adalah setahun atau kurang; dan
- (b) Pendekatan Yuran Berubah harus digunakan bagi kontrak insurans yang menyatakan hubungan di antara bayaran kepada pemegang polisi dan pulangan ke atas item sandaran.

Keperluan-keperluan MFRS 17 menyelaraskan pembentangan hasil dengan industri-industri lain. Hasil diperuntukkan kepada tempoh berkadar kepada nilai jangkaan perlindungan dan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh penanggung insurans dalam tempoh berkenaan dan tuntutan akan ditanggung apabila dikehendaki. Komponen pelaburan dikecualikan daripada hasil dan tuntutan. Penanggung insurans dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai jumlah, pertimbangan dan risiko yang timbul daripada kontrak insurans.

Dana-dana kini menilai impak kewangan yang mungkin timbul daripada penerima-pakaian MFRS 17.

Melainkan apa yang dinyatakan di atas, aplikasi piawaian baharu, pindaan kepada piawaian atau tafsiran yang di terbitkan oleh MASB yang berkuatkuasa bagi tempoh selepas 1 Januari 2019 dijangka tiada sebarang impak kewangan kepada tempoh semasa dan tempoh sebelum penyata kewangan mengenai Dana-dana.

**(b) Asas pengukuran**

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali bagi instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksamanya berdasarkan kaedah-kaedah penilaian yang dinyatakan di dalam nota-nota dasar perakaunan masing-masing.

**(c) Mata wang fungsian dan pembentangan**

Penyata-penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Dana-dana. Kesemua maklumat kewangan yang dibentangkan dalam RM telah dibundarkan kepada angka ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan**

Penyediaan penyata-penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang membawakan kesan terhadap penggunaan dasar-dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar penyata-penyata kewangan mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan semula bagi anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak semula dan dalam mana- mana tempoh depan yang terjejas.

Tidak wujud sebarang bidang signifikan mengenai ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikan yang penting dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan signifikan ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan selain daripada apa yang dinyatakan dalam Nota 3(b) – Instrumen kewangan.



### 3. DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunapakai secara konsisten bagi ke semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh Dana-dana kecuali sekiranya dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Transaksi Matawang Asing

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana-dana pada kadar tukaran semasa tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan di dalam mata wang asing pada tempoh akhir pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran semasa tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan di dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tempoh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul di atas terjemahan semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### (b) Instrumen Kewangan

##### (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana-dana menjadi sebahagian daripada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama ditambah, sekiranya instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak induk dan diakaunkan sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, di mana derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang diguna-pakai berdasarkan sifat kontrak induk.

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Dana-dana mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

#### ***Aset kewangan***

##### ***(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian***

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan efektif) atau aset-aset kewangan yang ditentukan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan kepada dan mesti dilengkapkan melalui penghantaran instrumen ekuiti tidak disebutbarga di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****(b) Instrumen Kewangan (sambungan)****(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)*****Aset kewangan (sambungan)*****(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (sambungan)**

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

**(b) Pinjaman dan belum terima**

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebutbarga di pasaran aktif dan termasuk belum terima lain serta tunai dan kesetaraan tunai.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima seterusnya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kesemua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semak semula bagi penjejasan nilai (lihat nota 3(d)).

***Liabiliti kewangan***

Kesemua liabiliti kewangan seterusnya diukur pada kos terlunas kecuali liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kategori nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan iaitu derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen perlindungan nilai yang ditetapkan dan efektif) atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkait kepada dan mesti diselesaikan menerusi penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebutbarga dan tidak mempunyai harga disebutbarga di dalam pasaran aktif bagi instrumen seumpamanya di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, seterusnya akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

**(iii) Pembelian atau penjualan lazim aset kewangan**

Pembelian atau penjualan lazim adalah pembelian atau penjualan aset kewangan menerusi kontrak yang mensyaratkan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan, secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan

Pembelian atau penjualan lazim aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana diguna-pakai, menggunakan tarikh perakaunan dagangan. Tarikh perakaunan dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset-aset belum terima dan liabiliti bagi pembayarannya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

#### (b) Instrumen Kewangan (sambungan)

##### (iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau kawalan ke atas aset tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain. Selepas aset kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima (termasuk sebarang aset baru diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru ditanggung) diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang disyaratkan di dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Selepas liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang telah dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### (c) Tunai dan kesetaraan tunai dan penempatan dengan institusi kewangan

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit panggilan yang dipegang dengan institusi kewangan dan pelaburan-pelaburan mudah tunai yang tinggi yang mempunyai risiko yang tidak ketara terhadap perubahan dalam nilai saksama dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana-dana bagi pengurusan komitmen jangka pendek mereka.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(B)(ii)(b).

#### (d) Penjejasan nilai aset-aset kewangan

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian serta deposit tetap dan panggilan) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai penjejasan nilai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset di masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian di masa hadapan, tidak diiktiraf walaupun wujud kemungkinan ianya akan berlaku. Bagi instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif penjejasan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka kerugian penjejasan aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Penjejasan kerugian dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

#### (e) Penciptaan unit-unit

Penciptaan unit-unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baharu atau bayaran-bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berasaskan penerimaan.

#### (f) Pembatalan unit-unit

Pembatalan unit-unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****(g) Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan, menggunakan kaedah faedah efektif di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan, kecuali apabila pelaburan berfaedah dianggap tak berbayar, contohnya, apabila pembayaran balik tertunggak lebih daripada enam bulan, dalam hal ini pengiktirafan untuk faedah tersebut digantung. Berikutan penggantungan tersebut, pendapatan faedah diiktiraf atas dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan diselesaikan.

**(h) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran ditentukan, di mana dalam hal sekuriti disebut harga adalah tarikh selepas dividen.

**(i) Cukai Pendapatan**

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka perlu dibayar atau diterima ke atas pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, mengambil kira perbezaan sementara di antara amaun dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata aset dan liabiliti dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesuatu transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kaedah jangkaan realisasi atau penyelesaian amaun dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuat kuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti boleh cukai yang seumpama, atau ke atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan serentak.

Aset cukai tertunda boleh diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa depan boleh cukai akan diperolehi di mana perbezaan sementara boleh digunakan untuk menyelesaikannya. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tempoh akhir pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

**(j) Ukuran Nilai Saksama**

Ukuran nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang boleh diterima bagi penjualan aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi teratur di antara peserta pasaran pada tarikh ukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira kemampuan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dengan sebaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang boleh menggunakan aset tersebut dengan sebaiknya.

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

#### (j) Ukuran Nilai Saksama (sambungan)

Dana-dana menggunakan pemerhatian data pasaran setakat yang boleh bagi mengukur nilai saksama aset atau liabiliti. Nilai saksama dikategorikan pada tahap berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: harga disebutbarga (tidak dilaras) di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti seumpama yang boleh diperolehi oleh Dana-dana semasa tarikh ukuran.

Tahap 2: input selain daripada harga disebutbarga termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input yang tidak boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti.

Dana-dana mengiktiraf pindahan di antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan tersebut.

### 4. SEKURITI EKUITI DISEBUTHARGA

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000
<b>2018</b>		
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di Malaysia, pada kos	-	68,899
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	2,022	-
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(335)	(3,572)
Kerugian tidak direalisasikan ke atas tukaran asing	7	-
Pada nilai saksama	1,694	65,327

Nota-nota kepada penyata kewangan

4. SEKURITI EKUITI DISEBUTHARGA (sambungan)

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000
<b>2018</b>		
Diwakili oleh sektor:		
Pasaran Utama di Malaysia		
Pembinaan	-	2,565
Barangan pengguna	-	8,479
Tenaga	-	6,926
Kewangan	-	18,687
Produk perindustrian	-	11,316
Perladangan	-	1,393
Hartanah	-	2,534
Teknologi	-	3,588
Perkhidmatan Telekom	-	2,895
Pengangkutan & Logistik	-	958
Utiliti	-	5,896
	-	65,237
Pasaran Utama di luar Malaysia		
Produk perindustrian	1,694	-
	1,694	-
Pada nilai saksama	1,694	65,237

**4. SEKURITI EKUITI DISEBUTHARGA (sambungan)**

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000
<b>2017</b>		
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di Malaysia, pada kos	-	65,028
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	2,381	-
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	336	16,124
Kerugian tidak direalisasikan ke atas tukaran asing	(65)	-
Pada nilai saksama	2,652	81,152
<b>2017</b>		
Diwakili oleh sektor:		
Pasaran Utama di Malaysia		
Pembinaan	-	8,216
Barangan pengguna	-	1,441
Kewangan	-	17,981
Produk perindustrian	-	8,997
Syarikat projek prasarana	-	1,324
Perladangan	-	1,633
Hartanah	-	8,439
Perdagangan/Perkhidmatan	-	25,772
Utiliti	-	7,349
	-	81,152
Pasaran Utama di luar Malaysia		
Perdagangan/Perkhidmatan	2,652	-
	2,652	-
Pada nilai saksama	2,652	81,152

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 4. SEKURITI EKUITI DISEBUTHARGA (sambungan)

	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2018</b>				
<b>Dipegang untuk dagangan</b>				
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di Malaysia, pada kos	532,961	59,631	26,494	2,426
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	-	-	-	1,905
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(34,131)	(2,683)	(1,412)	(190)
Kerugian tidak direalisasi ke atas pertukaran asing	-	-	-	(35)
Pada nilai saksama	498,830	56,948	24,082	4,106
	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2018</b>				
Diwakili oleh sektor:				
Pasaran Utama di Malaysia				
Pembinaan	23,023	2,503	2,617	37
Barangan pengguna	46,503	6,174	2,652	96
Tenaga	44,636	5,774	4,702	235
Kewangan	188,219	19,100	726	720
Produk perindustrian	65,892	6,895	5,775	439
Perladangan	6,626	327	1,193	-
Hartanah	18,089	3,363	1,554	90
Teknologi	22,662	1,766	1,711	104
Perkhidmatan Telekom	29,667	3,334	2,217	182
Pengangkutan & Logistik	6,537	1,606	-	-
Utiliti	46,976	6,106	2,535	258
	498,830	56,948	25,082	2,161
Pasaran Utama di luar Malaysia				
Pembinaan	-	-	-	29
Barangan pengguna	-	-	-	351
Kewangan	-	-	-	1,154
Produk perindustrian	-	-	-	127
Hartanah	-	-	-	87
Dagangan/Perkhidmatan	-	-	-	197
	-	-	-	1,945
Pada nilai saksama	498,830	56,948	25,082	4,106



**4. SEKURITI EKUITI DISEBUTHARGA (sambungan)**

	Daba Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2017</b>				
<b>Dipegang untuk dagangan</b>				
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di Malaysia, pada kos	444,173	58,516	23,518	2,103
Sekuriti ekuiti syarikat disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	-	-	-	1,666
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	97,662	13,461	5,747	494
Kerugian tidak direalisasikan ke atas tukaran asing	-	-	-	(37)
Pada nilai saksama	541,835	71,977	29,265	4,226
<b>2017</b>				
Diwakili oleh sektor:				
Pasaran Utama di Malaysia				
Pembinaan	64,910	7,795	7,091	287
Produk pengguna	8,935	-	-	171
Kewangan	123,991	16,961	840	540
Produk perindustrian	46,075	5,758	3,573	265
Syarikat projek prasarana	-	-	228	-
Perladangan	10,421	375	1,330	-
Hartanah	50,579	6,950	4,097	182
Dagangan/Perkhidmatan	178,415	26,523	8,956	927
Utiliti	58,509	7,615	3,150	-
	541,835	71,977	29,265	2,372
Pasaran Utama di luar Malaysia				
Pembinaan	-	-	-	55
Kewangan	-	-	-	735
Perindustrian	-	-	-	261
Hartanah	-	-	-	304
Dagangan/Perkhidmatan	-	-	-	499
	-	-	-	1,854
Pada nilai saksama	541,835	71,977	29,265	4,226

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 5. SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA

	Dana Induk Bon	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysian, pada kos	70,513	11,637
Pertambahan diskaun	19	-
Pelunasan premium	(2)	(21)
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	510	110
Pada nilai saksama	71,040	11,726

## 6. BON SYARIKAT

	Dana Induk Bon	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Bon syarikat tidak disebutbarga tidak dicagar di Malaysia, pada kos	377,228	384,640
Bon tidak disebutbarga dicagar di Malaysia, pada kos	12,000	-
Pertambahan diskaun	62	488
Pelunasan premium	(621)	(477)
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	2,302	722
Pada nilai saksama	390,971	385,373

## 7. BON BERDENOMINASI RINGGIT

	Dana Induk Bon	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Bon berdenominasi Ringgit oleh penerbit asing di luar Malaysia, pada kos	3,502	3,500
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	42	56
Pada nilai saksama	3,544	3,556

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**8. DEPOSIT BERSTRUKTUR**

	Dana Induk Bon	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dipegang untuk dagangan</b>		
Deposit berstruktur, pada kos		
Bank berlesen	15,343	15,340
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	28	108
Pada nilai saksama	15,371	15,448

**9. DEPOSIT TETAP DAN PANGGILAN**

	2018	2017
	RM'000	RM'000
Deposit tetap dan panggilan dengan:		
Bank berlesen		
Dana Terurus	28,058	8,094
Dana Tunai	176	1,113
Dana Induk Bon	19,789	-
Dana Padu	10,030	-

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 10. LAIN-LAIN PELABURAN

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000
<b>2018</b>			
<b>Dipegang untuk dagangan</b>			
Amanah saham tidak disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	5,069	9,121	1,891
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	612	1,102	229
Kerugian tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(583)	(1,049)	(217)
Pada nilai saksama	5,098	9,174	1,903
<b>2017</b>			
<b>Dipegang untuk dagangan</b>			
Amanah saham tidak disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	5,069	9,121	1,891
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	33	60	12
Kerugian tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(345)	(622)	(128)
Pada nilai saksama	4,757	8,559	1,775
	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi-Income PLUS RM'000	Dana Ikhlas RM'000
<b>2018</b>			
<b>Dipegang untuk dagangan</b>			
Amanah saham tidak disebutbarga di Malaysia, pada kos	-	-	8,821
Amanah saham tidak disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	8,672	1,191	-
(Kerugian)/Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(2,408)	530	(647)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	1,789	241	-
Pada nilai saksama	8,053	1,962	8,174
<b>2017</b>			
<b>Dipegang untuk dagangan</b>			
Amanah saham tidak disebutbarga di Malaysia, pada kos	-	-	7,099
Amanah saham tidak disebutbarga di luar Malaysia, pada kos	8,989	1,214	-
(Kerugian)/Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(826)	758	(133)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	1,746	219	-
Pada nilai saksama	9,909	2,191	6,966

**11. ASET DAN LIABILITI CUKAI TERTUNDA****Liabiliti cukai diiktiraf tertunda**

Liabiliti cukai tertunda diwakili oleh yang berikut:

	Liabiliti	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dana Terurus</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(4)	-
<b>Dana Pertumbuhan Dinamik</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(1,281)
<b>Dana Global High Payout</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(73)
<b>Dana Asia Multi-IncomePLUS</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(62)	(79)
<b>Dana Induk Bond</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	(187)	(78)
<b>Dana Induk Ekuiti</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(7,813)
<b>Dana Induk Dividen</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(1,078)
<b>Dana Induk Dana Ekuiti</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(460)
<b>Dana Induk ASEAN Plus</b>		
Keuntungan yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	(36)

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**11. ASET DAN LIABILITI CUKAI TERTUNDA (sambungan)****Aset cukai tertunda tidak diiktiraf**

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perkara berikut (dinyatakan kasar):

	Aset	
	2018 RM'000	2017 RM'000
<b>Dana Ekuiti</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	298	41
<b>Dana Terurus</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	-	562
<b>Dana Pertumbuhan Dinamik</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	3,561	-
<b>Dana Global High Payout</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	620	-
<b>Dana Induk Ekuiti</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	34,131	-
<b>Dana Induk Dividen</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	2,683	-
<b>Dana Induk Dana Ekuiti</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	1,412	-
<b>Dana Ikhlas</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	647	133
<b>Dana Induk ASEAN Plus</b>		
Kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama	155	-

## 12. MODAL PEMEGANG POLISI

	2018		2017	
	Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
<b>Dana Ekuiti</b>				
Pada permulaan tahun	44,619	177,419	38,456	142,487
Dicipta sepanjang tahun	11,628	62,906	8,559	48,458
Dibatalkan sepanjang tahun	(2,673)	(14,923)	(2,396)	(13,526)
	53,574	225,402	44,619	177,419
<b>Dana Terurus</b>				
Pada permulaan tahun	139,882	621,725	116,363	497,821
Dicipta sepanjang tahun	36,135	189,553	30,251	159,324
Dibatalkan sepanjang tahun	(7,299)	(38,566)	(6,732)	(35,420)
	168,718	772,712	139,882	621,725
<b>Dana Pertumbuhan Dinamik</b>				
Pada permulaan tahun	37,770	57,214	36,073	53,203
Dicipta sepanjang tahun	4,781	10,786	4,393	10,366
Dibatalkan sepanjang tahun	(2,115)	(4,886)	(2,696)	(6,355)
	40,436	63,114	37,770	57,214
<b>Dana Tunai</b>				
Pada permulaan tahun	1,563	1,646	837	747
Dicipta sepanjang tahun	46	58	774	957
Dibatalkan sepanjang tahun	(24)	(30)	(48)	(58)
	1,585	1,674	1,563	1,646
<b>Dana Pendapatan Ekuiti</b>				
Pada permulaan tahun	69,391	94,177	60,610	79,592
Dicipta sepanjang tahun	13,371	20,777	11,982	19,914
Dibatalkan sepanjang tahun	(3,091)	(4,938)	(3,201)	(5,329)
	79,671	110,016	69,391	94,177

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 12. MODAL PEMEGANG POLISI (sambungan)

Nota	2018		2017	
	Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
<b>Dana Global High Payout</b>				
Pada permulaan tahun	8,544	13,825	9,531	14,941
Dicipta sepanjang tahun	-	-	6	7
Dibatalkan sepanjang tahun	(468)	(518)	(993)	(1,123)
	8,076	13,307	8,544	13,825
<b>Dana Asia Multi-IncomePLUS</b>				
Pada permulaan tahun	1,293	1,017	1,330	1,079
Dibatalkan sepanjang tahun	(26)	(42)	(37)	(62)
	1,267	975	1,293	1,017
<b>Dana Induk Bon</b>	12.1			
Pada permulaan tahun	296,149	389,199	233,553	297,337
Dicipta sepanjang tahun	46,383	71,415	62,596	91,862
Dibatalkan sepanjang tahun	(14,419)	(22,502)	-	-
	328,113	438,112	296,149	389,199
Diwakili oleh:				
Dana Terurus	270,220	362,752	240,681	317,384
Dana Pendapatan Ekuiti	19,202	23,366	21,847	27,604
Dana Bon	38,691	51,994	33,621	44,211
	328,113	438,112	296,149	389,199



## 12. MODAL PEMEGANG POLISI (sambungan)

	Nota	2018		2017	
		Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
<b>Dana Induk Ekuiti</b>	12.2				
Pada permulaan tahun		173,271	361,638	162,109	326,627
Dicipta sepanjang tahun		33,125	96,630	14,390	45,040
Dibatalkan sepanjang tahun		-	-	(3,228)	(10,029)
		206,396	458,268	173,271	361,638
Diwakili oleh:					
Dana Ekuiti		81,333	168,885	71,062	140,506
Dana Terurus		124,485	287,985	101,886	220,437
Dana ASEAN Plus		578	1,398	323	695
		206,396	458,268	173,271	361,638
<b>Dana Induk Dividen</b>	12.3				
Pada permulaan tahun		25,278	45,520	24,955	44,527
Dicipta sepanjang tahun		2,584	6,816	1,668	5,000
Dibatalkan sepanjang tahun		(3,195)	(7,994)	(1,345)	(4,007)
		24,667	44,342	25,278	45,520
Diwakili oleh:					
Dana Pendapatan Ekuiti		24,667	44,342	25,278	45,520
<b>Dana Bon</b>					
Pada permulaan tahun		40,853	47,782	34,505	39,664
Dicipta sepanjang tahun		9,742	12,906	8,052	10,293
Dibatalkan sepanjang tahun		(2,369)	(3,126)	(1,704)	(2,175)
		48,226	57,562	40,853	47,782

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 12. MODAL PEMEGANG POLISI (sambungan)

Nota	2018		2017	
	Unit ('000)	RM'000	Unit ('000)	RM'000
<b>Dana Padu</b>				
Pada permulaan tahun	32,559	51,748	26,606	41,025
Dicipta sepanjang tahun	9,612	17,098	8,111	14,605
Dibatalkan sepanjang tahun	(2,640)	(4,734)	(2,158)	(3,882)
	39,531	64,112	32,559	51,748
<b>Dana Induk Dana Ekuiti</b>	12.4			
Pada permulaan tahun	8,406	21,751	7,179	17,410
Dicipta sepanjang tahun	3,950	11,744	1,525	5,241
Dibatalkan sepanjang tahun	(2,625)	(7,383)	(298)	(900)
	9,731	26,112	8,406	21,751
Diwakili oleh:				
Dana Padu	9,731	26,112	8,406	21,751
<b>Dana Ikhlas</b>				
Pada permulaan tahun	12,888	6,847	9,331	4,877
Dicipta sepanjang tahun	3,991	2,173	3,996	2,212
Dibatalkan sepanjang tahun	(638)	(348)	(439)	(242)
	16,241	8,672	12,888	6,847
<b>Dana ASEAN Plus</b>				
Pada permulaan tahun	3,370	1,584	2,635	1,134
Dicipta sepanjang tahun	2,503	1,473	1,296	798
Dibatalkan sepanjang tahun	(498)	(308)	(561)	(348)
	5,375	2,749	3,370	1,584
<b>Dana Induk ASEAN Plus</b>	12.5			
Pada permulaan tahun	5,986	3,125	7,680	4,168
Dicipta sepanjang tahun	1,703	1,161	1,610	1,112
Dibatalkan sepanjang tahun	(194)	(130)	(3,304)	(2,155)
	7,495	4,156	5,986	3,125
Diwakili oleh:				
Dana ASEAN Plus	6,029	3,440	4,676	2,511
Dana Ekuiti	1,466	716	1,310	614
	7,495	4,156	5,986	3,125

## 12. MODAL PEMEGANG POLISI (sambungan)

### 12.1 Dana Induk Bon (“MBF”)

MBF ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan bon berpusat bagi Dana-dana. Ia mempunyai nilai aset bersih (“NAV”) tersendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MBF adalah untuk menggabungkan kesemua dana yang mempunyai pendedahan kepada pelaburan bon. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaburan.

Pelaburan bon dalam Dana Terurus (“MF”), Dana Pendapatan Ekuiti (“EIF”), dan Dana Bon (“BF”) telah digabungkan ke dalam MBF. MF, EIF dan BF telah memindahkan NAV pelaburan bon mereka kepada MBF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MBF dimulakan.

MF, EIF dan BF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan bon setelah memindahkan bon-bon mereka kepada MBF tetapi memegang unit-unit dalam MBF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MBF oleh MF, EIF dan BF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MBF pada masa transaksi.

### 12.2 Dana Induk Ekuiti (“MEF”)

MEF ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV tersendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MEF adalah untuk menggabungkan kesemua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti ke dalam Dana Ekuiti (“EF”), MF dan Dana ASEAN Plus (“AF”) telah digabungkan ke dalam MEF. EF dan MF telah memindahkan NAV pelaburan ekuiti mereka kepada MEF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MEF dimulakan.

MF dan EF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti setelah memindahkan ekuiti mereka kepada MEF tetapi memegang unit-unit di dalam MEF. AF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit di dalam MEF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MEF oleh MF, EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MEF pada waktu transaksi.

### 12.3 Dana Induk Dividen (“MDF”)

MDF ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV tersendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MDF adalah untuk menggabungkan ke semua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam EIF telah digabungkan ke dalam MDF. EIF memindahkan NAV pelaburan ekuitinya kepada MDF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MDF dimulakan.

EIF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti setelah memindahkan ekuitinya kepada MDF tetapi memegang unit-unit di dalam MDF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDF oleh EIF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDF pada waktu transaksi.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

**12. MODAL PEMEGANG POLISI (sambungan)****12.4 Dana Induk Dana Ekuiti (“MDE”)**

MDE ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV tersendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MDE adalah untuk menggabungkan ke semua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang serupa. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu (“DP”) telah digabungkan ke dalam MDE. NAV MDE semasa dana dimulakan adalah RM1.00 seunit.

DP tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit di dalam MDE. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDE oleh DP selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDE pada waktu transaksi.

**12.5 Dana Induk ASEAN Plus (“MAF”)**

MAF ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan ekuiti berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai NAV tersendiri tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam.

Objektif penubuhan MAF adalah untuk menggabungkan ke semua dana ekuiti yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaburan.

Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF telah digabungkan ke dalam MAF. NAV MAF semasa dana ditubuhkan adalah RM0.50 seunit.

EF dan AF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit dalam MAF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MAF pada waktu transaksi.

**13. PERBELANJAAN CUKAI****Diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan**

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumb- uhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
<b>2018</b>								
<b>Perbelanjaan cukai semasa</b>								
Tahun semasa	117	203	(198)	5	26	51	3	1,753
Tahun sebelumnya	12	4	(6)	-	1	-	-	50
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>								
Asal dan pembalikkan perbezaan sementara – tahun semasa	-	4	(1,281)	-	-	(74)	(16)	108
Jumlah (pendapatan)/perbelanjaan cukai	129	211	(1,485)	5	27	(23)	(13)	1,911
<b>2017</b>								
<b>Perbelanjaan cukai semasa</b>								
Tahun semasa	39	102	169	3	10	65	6	1,450
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>								
Asal dan pembalikkan perbezaan sementara – tahun semasa	(31)	-	986	-	-	(13)	9	3
Jumlah perbelanjaan cukai	8	102	1,155	3	10	52	15	1,453

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 13. PERBELANJAAN CUKAI (sambungan)

Diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2018</b>								
<b>Perbelanjaan cukai semasa</b>								
Tahun semasa	(2,805)	(262)	7	91	(169)	8	1	(28)
Tahun sebelumnya	1	-	-	-	-	-	-	-
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>								
Asal dan pembalikkan perbezaan sementara – tahun semasa	(7,813)	(1,077)	-	-	(460)	-	-	(37)
<b>Jumlah (pendapatan)/perbelanjaan cukai</b>	<b>(10,617)</b>	<b>(1,339)</b>	<b>7</b>	<b>91</b>	<b>(629)</b>	<b>8</b>	<b>1</b>	<b>(65)</b>
<b>2017</b>								
<b>Perbelanjaan cukai semasa</b>								
Tahun semasa	1,336	198	5	69	18	16	-	30
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>								
Asal dan pembalikkan perbezaan sementara – tahun semasa	6,821	898	-	-	388	-	-	15
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>8,157</b>	<b>1,096</b>	<b>5</b>	<b>69</b>	<b>406</b>	<b>16</b>	<b>-</b>	<b>45</b>

**13. PERBELANJAAN CUKAI (sambungan)****Penyesuaian perbelanjaan cukai**

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumb uhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
<b>2018</b>								
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(57,754)	(74,353)	(21,051)	29	(15,732)	(1,061)	(203)	23,207
Cukai pada kadar cukai Malaysia @ 8%	(4,620)	(5,948)	(1,684)	2	(1,259)	(85)	(16)	1,857
Perkara dikecualikan daripada pengiraan cukai berkaitan pelaburan	4,737	6,155	205	3	1,285	62	3	4
Kurang/(Lebih) peruntukan pada tahun sebelumnya	12	4	(6)	-	1	-	-	50
	129	211	(1,485)	5	27	(23)	(13)	1,911
<b>2017</b>								
Keuntungan sebelum cukai	39,235	71,371	15,200	4	14,397	473	127	18,112
Cukai pada kadar cukai Malaysia @ 8%	3,139	5,710	1,216	-	1,152	38	10	1,449
Perkara dikecualikan daripada pengiraan cukai berkaitan pelaburan	(3,131)	(5,608)	(61)	3	(1,142)	14	5	4
	8	102	1,155	3	10	52	15	1,453

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 13. PERBELANJAAN CUKAI (sambungan)

## Penyesuaian perbelanjaan cukai

	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Ikhlas RM'000	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2018</b>								
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(150,721)	(17,435)	2,082	(7,628)	(8,586)	(535)	(511)	(938)
Cukai pada kadar cukai Malaysia @ 8%	(12,058)	(1,395)	167	(610)	(687)	(43)	(41)	(75)
Perkara dikecualikan daripada pengiraan cukai berkaitan pelaburan	1,440	56	(160)	701	58	51	42	10
Lebih peruntukan pada tahun sebelumnya	1	-	-	-	-	-	-	-
	(10,617)	(1,339)	7	91	(629)	8	1	(65)
<b>2017</b>								
Keuntungan sebelum cukai	115,539	15,538	1,626	5,418	5,627	221	224	573
Cukai pada kadar cukai Malaysia @ 8%	9,243	1,243	130	433	450	18	18	46
Perkara dikecualikan daripada pengiraan cukai berkaitan pelaburan	(1,086)	(147)	(125)	(364)	(44)	(2)	(18)	(1)
	8,157	1,096	5	69	406	16	-	45



## 14. INSTRUMEN KEWANGAN

### 14.1 Pengurusan risiko kewangan

Dana-dana terdedah kepada risiko-risiko berikut penggunaan instrumen kewangan:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

### 14.2 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Dana-dana sekiranya pihak berlawanan instrumen kewangan gagal memenuhi tanggungjawab kontraknya.

Dana-dana terdedah kepada risiko kredit yang timbul terutamanya dari pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap serta tunai dan kesetaraan tunai. Kerugian kewangan mungkin berlaku apabila pihak berlawanan gagal memenuhi tanggungjawab pembayaran kerana pelbagai sebab.

Kesemua pelaburan bon mesti mempunyai penarafan minimum AA- oleh agensi penarafan di Malaysia atau penarafan minimum BBB- oleh mana-mana agensi penarafan antarabangsa yang diiktiraf seperti yang digariskan dalam Mandat Pelaburan Pengurus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Pada akhir tempoh pelaporan, tidak ada tumpuan ketara risiko kredit. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh amaun yang dibawa oleh setiap aset kewangan.

Dana-dana menganggap penarafan BBB dan ke atas sebagai gred pelaburan dan penarafan di bawah BBB sebagai bukan gred pelaburan. Aset yang tidak ditarafkan oleh agensi penarafan diklasifikasikan sebagai tidak-ditaraf.

Tiada risiko kredit untuk belum terima lain kerana kebanyakannya adalah amaun perlu dibayar dari antara-dana.

## Nota-nota kepada penyata kewangan

## 14. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

## 14.2 Risiko kredit (sambungan)

## Pendedahan kredit

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit bagi aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti.

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumb uhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi- Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
<b>2018</b>								
Pelaburan kewangan dipegang untuk perdagangan								
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-	-	-	-	-	-	71,040
Sekuriti Hutang	-	-	-	-	-	-	-	394,515
Deposit berstruktur	-	-	-	-	-	-	-	15,371
Pinjaman dan belum terima								
Tunai dan kesetaraan tunai	37,420	57,179	13,497	1,706	22,602	81	50	13,613
Deposit tetap dan panggilan	-	28,058	-	176	-	-	-	19,789
	37,420	85,237	13,497	1,882	22,602	81	50	514,328

	Dana Induk Ekuiti RM'000	Dana Induk Dividen RM'000	Dana Bon RM'000	Dana Padu RM'000	Dana Induk Dana Ekuiti RM'000	Dana Ikhlas RM'000
<b>2018</b>						
Pinjaman dan belum terima						
Tunai dan kesetaraan tunai	22,820	2,702	3,223	28,521	1,845	271
Deposit tetap dan panggilan	-	-	-	10,030	-	-
	22,820	2,702	3,223	38,551	1,845	271

	Dana ASEAN Plus RM'000	Dana Induk ASEAN Plus RM'000
<b>2018</b>		
Pinjaman dan faedah belum terima		
Tunai dan kesetaraan tunai	413	334
	413	334

**14. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)**

**14.2 Risiko kredit (sambungan)**

**Pendedahan kredit (sambungan)**

Jadual di bawah menunjukkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit bagi aset kewangan pada penyata aset dan liabiliti. (sambungan)

	Dana Ekuiti RM'000	Dana Terurus RM'000	Dana Pertumbuhan Dinamik RM'000	Dana Tunai RM'000	Dana Pendapatan Ekuiti RM'000	Dana Global High Payout RM'000	Dana Asia Multi-Income PLUS RM'000	Dana Induk Bon RM'000
<b>2017</b>								
Pelaburan kewangan dipegang untuk perdagangan								
